

PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
(PART 1)
SECTION : DALAM NEGERI
PAGE : 2
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED



PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
(PART 2)
SECTION : UTUSAN BIZ
PAGE : 31
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

LTAT: Tiada unsur jenayah

Oleh SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 SEPT.

LEMBAGA Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan memberi tumpuan kepada pengukuhan tadbir urus dalaman bagi memulihkan semula struktur dan kecekapan pengurusan dana persaraan

anggota tentera itu.

Ketua Eksekutif LTAT, Nik Amlizan Mohamed berkata, kelemahan tadbir urus korporat itu menyebabkan wujudnya kepincangan yang menjejaskan kedudukan kewangan LTAT.

Katanya, beberapa jawatan penting telah diisi dan diwujudkan bagi memastikan setiap pelaburan yang dibuat LTAT berkualiti dan mapan selain mampu memberi pulangan tinggi kepada ahli.

"Fokus kami ketika ini adalah untuk memperkasakan tadbir urus korporat dahulu sebe-



MOHD. ZAHIDI ZAINUDDIN

lum melaksanakan pelbagai strategi pelaburan. Pentadbiran dalaman harus diperkemaskan lagi bagi memastikan LTAT mampu menjana dividen yang baik.

"Kami telah memulakan pelan transformasi yang menggariskan enam teras utama merangkumi visi dan misi baharu LTAT, memperkukuh tadbir urus korporat,



NIK AMLIZAN MOHAMED

mempertingkatkan pengurusan pemegang berkepentingan strategik, menaikkan pulangan pelaburan yang mapan, memperbaiki infrastruktur dan membina pengurusan bakat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pengumuman dividen tahun kewangan 2018 di sini hari ini. Yang turut hadir, Pengerusi LTAT, Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin.

Minggu lalu, laporan audit oleh firma audit Ernst & Young (EY) ke atas LTAT mendapati wujud tujuh ketidakpatuhan dan kelemahan tadbir urus kewangan dalam lembaga itu.

Tujuh aspek itu ialah keuntungan tertahan terjejas akibat terlebih bayar dividen, aset LTAT dinyatakan lebih tinggi daripada apa yang ada bagi 2015 hingga 2017, usaha wajar tidak dilaksanakan dengan betul, aset harta tidak terjual, peningkatan risiko isu kelebihan dan kecairan sejak 2014, dividen tertunggak daripada anak-anak syarikat yang tidak diterima dan kurang kawalan dalam unit amanah saham.

Dalam pada itu, Nik Amlizan akan berjumpa dengan Peratuan Patriot Kebangsaan (PATRIOT) dalam waktu terdekat untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai usaha untuk menambah baik LTAT.

Sementara itu, Mohd. Zabidi berkata, tiada unsur jenayah ditemui dan ia disebabkan oleh kesilapan pihak pengurusan terdahulu yang tidak menguruskan perkara berkaitan kewangan dengan sewajarnya. Katanya, pendedahan yang dibuat LTAT adalah untuk menzahirkan dan membentangkan apa yang berlaku terhadap laporan-laporan kewangan yang lepas.

"Kalau siasatan lanjut mendapati perlukan tindakan, maka ia akan dirujuk kepada pihak berwajib. Kami mendapati ada percanggahan tetapi ia bukan jenayah tetapi disebabkan oleh salah pengurusan yang berlaku,

"Selain itu, tindakan susulan akan diambil untuk menentukan apa yang diperlukan supaya masalah kedudukan kewangan ini dapat diatasi dan menambah baik tadbir urus korporat LTAT," ujarnya.



INFO

PRESTASI KEWANGAN LTAT

- Isytihar dividen 2%
- Dividen paling rendah dalam tempoh lebih 40 tahun
- Pendapatan bersih belum diaudit RM221 juta
- Pendapatan merosot 51.9 peratus
- Ketidakpatuhan, kelemahan tadbir urus kewangan tiada unsur jenayah
- AUM berjumlah RM9.4 bilion setakat 31 Disember 2018